

03/11/2000

Terima teguran untuk ketahui masalah: Pak Lah

KUANTAN, Khamis - Kerajaan Barisan Nasional (BN) bersedia menerima teguran, kerana melaluinya kerajaan boleh mengetahui masalah sebenar yang berlaku pada peringkat akar umbi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, melalui teguran itu pemimpin dapat mengetahui sesuatu yang tidak betul, mungkin berlaku atau kesilapan serta kesalahan dilakukan mereka, supaya dapat diperbetulkan.

Bagaimanapun, menurutnya cara teguran itu penting dan mestilah benar-benar ikhlas serta tidak menimbulkan kemarahan orang yang ditegur.

"Begitu juga dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, dia adalah pemimpin yang bersedia menerima teguran dan bukan tidak suka ditegur, seperti dakwaan sesetengah pihak.

"Tetapi kalau dah mula dengan maki hamun, mencarut dan mengatakan maha firaun dan sebagainya, manusia mana boleh tahan dengan cara itu. Teguran seumpama itu bukan cara yang boleh membawa kebaikan, sebaliknya menyebabkan mereka berasa tidak seronok dan marah serta sudah tentu tidak memberi kesan yang baik.

"Jika cara kita menegur itu dalam keadaan baik dan bermusyawarah atau melalui wakil persatuan dengan tertib serta mengikut adat resam, iaitu tidak kasar, sombong dan mengumpat, saya percaya teguran akan membawa kepada kemuliaan dan kebaikan," katanya.

(END)